

Langkah-langkah Membentuk Keluarga Bahagia

Isu-isu yang berkaitan dengan pembentukan keluarga bahagia kerap dibincangkan dalam akhbar dan majalah. Hal-hal yang berkaitan dengan institusi kekeluargaan memang wajar diperkatakan kerana keluarga merupakan asas kepada pembentukan masyarakat dan negara yang cemerlang. Pada pandangan saya, isu pembentukan keluarga bahagia ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia dapat memberikan kesan kepada masyarakat dan negara dalam jangka masa panjang. Sesungguhnya, masalah yang berlaku dalam keluarga hingga menyebabkan perceraian dan penderaan kanak-kanak telah mengganggu keharmonian hidup masyarakat. Oleh yang demikian _____ (1) untuk pembentukan keluarga bahagia perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak demi kebaikan bersama.

Ibu bapa merupakan pihak yang paling utama memainkan peranan dalam pembentukan keluarga bahagia. Hal ini kerana ibu bapa boleh _____ (2) untuk membolehkan keluarga mereka hidup bahagia. Contohnya, ibu bapa perlu menyediakan kemudahan asas dan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak. Ibu bapa perlu mengajar anak-anak adab-adab dalam keluarga dan menasihati anak-anak dalam hal-hal yang berkaitan dengan tingkah laku. Ibu bapa juga mesti menjadi _____ (3) kepada anak-anak dalam segala hal yang berlaku di rumah.

Selain itu, ibu bapa juga mesti memberikan _____ (4) kepada anak-anak. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa memberikan pendidikan kepada anak-anak dengan menyekolahkan mereka. Pendidikan yang diperoleh anak-anak akan menjadikan mereka insan yang berguna kepada keluarga dan seterusnya dapat membentuk keluarga yang bahagia. Anak-anak yang mendapat pendidikan yang secukupnya tidak akan mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang kerap melanda remaja masa kini. Oleh itu, apabila anak-anak sudah berjaya, mereka pasti dapat _____ (5) dan membentuk sebuah keluarga bahagia setelah mereka berkahwin.

Anak-anak juga memainkan peranan penting dalam pembentukan keluarga bahagia. Hal ini kerana, anak-anak merupakan ahli yang penting dalam sesebuah institusi keluarga. Anak-anak mesti menyayangi ibu bapa dan anggota keluarga yang lain. Mereka juga mesti taat kepada suruhan ibu bapa dan membantu keluarga dalam urusan harian keluarga. _____ (6), anak-anak juga mesti mengamalkan kebersihan dalam keluarga dan menjauhi diri daripada perbuatan negatif seperti merokok.

Di samping itu, anak-anak juga mesti mengamalkan nilai-nilai murni dalam keluarga. Anak-anak mesti bersikap jujur dan tidak mencuri barang berharga dalam rumah. Perbuatan mencuri patut di jauhi kerana perbuatan ini akan membawa kepada pergaduhan dalam keluarga. Anak-anak juga mesti melakukan perintah Tuhan iaitu sembahyang dan berbuat baik kepada semua orang. Anak-anak juga mestilah _____ (7) dengan jiran tetangga kerana jiran tetangga dapat membantu sewaktu dalam kesusahan.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan dalam pembentukan keluarga bahagia. Hal ini kerana kerajaan mempunyai _____ (8) bagi menjalankan program-program ke arah pembentukan keluarga bahagia. Pihak kerajaan juga boleh menjalankan Kempen Keluarga Bahagia melalui stesen televisyen dan radio yang

dimilikinya. Kursus dan Seminar Keluarga Bahagia juga boleh diadakan di setiap daerah.
 _____ (9) ke arah pembentukan keluarga bahagia ini mesti dibuat secara berterusan supaya ia dapat mendatangkan kesan positif yang berpanjangan.

Sebagai kesimpulan, pembentukan keluarga bahagia memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak, khususnya ahli keluarga itu sendiri. Ibu bapa perlu memainkan _____ (10) kerana mereka adalah ketua keluarga. Anak-anak pula perlu menjalankan tanggungjawab yang diberi kepada mereka dengan baik. Perselisihan faham dalam keluarga perlu dielakkan dan ibu bapa mesti menjadi contoh terbaik kepada anak-anak. Jika ibu bapa bersikap _____ (11) dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam keluarga, sudah pasti keluarga yang bahagia dapat dibentuk.

Selain itu 如 此外 berbaik-baik 如 和睦相处 peranan penting 如 重要角色 menyara diri 如 养活自己 mencari dan membuat tindakan 如 寻找 及采取行动	pendidikan 如 教育 Usaha 如 努力 contoh 如 榜样 sumber kewangan 如 财政来源 langkah-langkah 如 措施 bertanggungjawab 如 负责任
---	--